



Received: 2021-08-25

Accepted: 2022-06-22

Published: 2022-06-30

Original Article

## Pengaruh Faktor Pendapatan terhadap Gelagat Filantropi Muslim Ketika Pandemi Covid-19

### *Income Factors in Influencing Muslim Philanthropic Behavior During the Covid-19 Pandemic*

Mohd Zaid Mustafar <sup>a\*</sup>, Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz <sup>b</sup> & Muhammad Faidz Mohd Fadzil <sup>b</sup>, Muaz Mohd Noor <sup>b</sup>

<sup>a</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka

<sup>b</sup> Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka

\* Corresponding author, email; [zaidmustar@uitm.edu.my](mailto:zaidmustar@uitm.edu.my)

#### ABSTRACT

*The COVID-19 pandemic that hit the country had a huge impact, especially on the economic sector. The movement control order (MCO) approach taken by the government to control the spread of epidemic infections indirectly impacts household income. However, some of the communities that are not affected in terms of income have the opportunity to be involved in charity to help those affected. Thus, this study aimed to examine the influence of income on Muslim involvement in philanthropy during the COVID-19 pandemic. To achieve this goal, 424 respondents responded to the questionnaires distributed during the MCO period as a time limit through a simple sampling method. The study's results found that the income factor has a significant positive relationship based on the correlation value of  $r = 0.285$  on the level of Muslim philanthropy involvement during the MCO period. The ANOVA test found significant differences based on the income level of Muslim philanthropic behavior among the respondents. These findings also prove that income influences the decision-making process to donate among Muslims. Therefore, all parties need to create awareness of the importance of philanthropic practices so that the burden borne by the community affected by the COVID-19 pandemic can be alleviated.*

**Keywords:** *Philanthropic Behavior, COVID-19 Pandemic, Household Income*

#### Pengenalalan

Pandemik COVID-19 yang telah melanda seluruh dunia memberikan kesan yang agak besar terhadap kepelbagaian aspek kehidupan. Malaysia juga tidak terkecuali daripada menerima ujian dan dugaan ini. Penularan wabak koronavirus 2019 (COVID-19) ini pada awalnya bermula

pada peringkat epidemik seterusnya merebak secara meluas serta tidak terkawal mampu membunuh ramai orang dalam masa yang singkat (Fauzi, 2020). Justeru pada 16 Mac 2020, Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk semua negeri di Malaysia. Terdapat beberapa fasa PKP yang dilaksanakan oleh pemerintah negara antaranya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) serta Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Langkah yang diambil ini dapat mengurangkan seketika penularan kes baharu COVID-19.

Namun demikian, peningkatan semula kes-kes positif COVID-19 selepas daripada itu menyebabkan kerajaan terpaksa melaksanakan PKP 2.0 bermula 13 Januari 2021. Keadaan menjadi semakin buruk sehingga PKP 3.0 dilaksanakan pada 12 Mei 2021 apabila jumlah kes harian meningkat sehingga lima angka. Kesan daripada pandemik COVID-19 ini bukan sahaja boleh mengancam nyawa tetapi juga memberikan kesan yang buruk terhadap ekonomi dunia. Akibatnya hampir keseluruhan sektor-sektor ekonomi negara mengalami tekanan sekaligus membawa kepada pengurangan pendapatan isi rumah. Penularan pandemik COVID-19 ini telah mengakibatkan gangguan kesenjangan (ketidakseimbangan) ekonomi apabila ada dalam kalangan rakyat yang hilang pendapatan, hilang pekerjaan dan perniagaan merosot sekali gus menggawatkan kestabilan ekonomi isi rumah. Kehilangan pekerjaan di negara ini juga meningkat sebanyak 42 peratus bagi suku pertama tahun 2020 berdasarkan laporan Sistem Insurans Pekerjaan, Pertubuhan Keselamatan Sosial (SIP PERKESO) yang bertajuk 'Employment Outlook, the 1st Quarter of 2020, Volume 4/2020, The Impact of COVID-19 on Loss of Employment (LOE). SIP PERKESO juga memaklumkan pandemik ini telah menjejaskan banyak perniagaan sehingga mengalami penurunan permintaan sebanyak 37 peratus serta ada yang tidak dapat beroperasi seperti biasa (42 peratus) (Employment Insurance System, 2020). Di samping itu, kadar pengangguran juga telah mencecah 4.5 peratus pada Mei 2021 berbanding 3.2 peratus semasa krisis kewangan Asia pada 1997 dan 3.7 peratus ketika kegawatan ekonomi pada 2018 (Sinar Harian, 2021).

Dalam usaha menangani impak ekonomi ini, banyak inisiatif telah dilaksanakan oleh pelbagai pihak terutamanya kerajaan dalam membantu rakyat. Demikian juga pihak-pihak daripada kerajaan, badan-badan bukan kerajaan (NGO), serta individu-individu turut sama-sama membantu masyarakat yang terkesan akibat pandemik ini. Berdasarkan fenomena ini, timbul persoalan bagaimanakah tahap kesedaran masyarakat yang kurang terjejas semasa pandemik COVID-19 ini dalam membantu golongan yang benar-benar memerlukan disebabkan kehilangan dan kekurangan pendapatan. Keperihatinan ini dapat memastikan kelangsungan hidup masyarakat terjamin di samping dapat membantu kerajaan dalam memulihkan semula kitaran ekonomi negara. Justeru, kajian ini cuba untuk merungkai tiga persoalan iaitu; (1) bagaimanakah tahap penglibatan Muslim dalam filantropi ketika berlakunya pandemik COVID-19, (2) adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penglibatan Muslim dalam filantropi dengan tingkat pendapatan mereka ketika berlakunya krisis pandemik COVID-19 dan (3) adakah terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan tingkat pendapatan dalam mempengaruhi Muslim untuk melaksanakan amalan filantropi. Berdasarkan persoalan tersebut, kajian ini memberi tumpuan kepada tiga objektif utama iaitu; (1) Mengkaji tahap filantropi Muslim secara

keseluruhan semasa pandemik COVID-19, (2) Mengukur hubungan antara tahap penglibatan Muslim dalam filantropi dengan tingkat pendapatan mereka ketika berlakunya krisis pandemik COVID-19 dan (3) Menganalisa perbezaan berdasarkan tingkat pendapatan dalam mempengaruhi Muslim untuk melaksanakan amalan filantropi ketika pandemik COVID-19. Bagi mencapai objektif yang dinyatakan, berikut merupakan hipotesis awal kajian sebagai jangkaan awal.

Ho1 Tidak wujud hubungan yang signifikan antara tahap penglibatan filantropi Muslim dengan faktor tingkat pendapatan semasa krisis pandemik COVID-19.

Ho2 Tidak wujud perbezaan yang signifikan dalam gelagat filantropi Muslim semasa krisis pandemik COVID-19 berdasarkan faktor tingkat pendapatan.

### **Sorotan Literatur**

Konsep filantropi merupakan satu bantuan kasih sayang kepada sesama manusia yang boleh diwujudkan dalam bentuk derma atau pemberian yang dikenali sebagai zakat, sedekah, infaq, wakaf, hadiah dan sebagainya (al-Qaradawi, 1999). Zakat adalah sebahagian daripada amalan filantropi Islam berdasarkan penelitian Fauzia serta Beik dan Arsyianti. (Fauzia, 2017; Beik & Arsyianti, 2016). Manakala sedekah, infaq, wakaf dan hadiah juga termasuk sebagai sebahagian daripada konsep filantropi. (Ismail et al., 2015; Othman, 2017; Mohd Zabudin et al., 2018). Hasil penelitian sarjana barat pula menyimpulkan bahawa filantropi merupakan amalan sukarela dan inisiatif persendirian sama ada individu, persatuan mahupun badan bukan kerajaan yang dilakukan untuk kebaikan dan kepentingan umum yang memfokuskan kepada peningkatan kualiti hidup (Bremner, 1960; Payton, 1988; McCully, 2008).

Filantropi yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah sifat kedermawanan sama ada berbentuk jasmani (material) atau rohani (spiritual). Ia memainkan peranan yang sangat penting dalam ekonomi umat Islam sebagai salah satu instrumen bagi membantu golongan yang memerlukan atau memberi manfaat kepada masyarakat selain ahli keluarga sendiri. Kepentingan amalan filantropi ini merupakan satu proses pendidikan yang dapat melahirkan generasi yang menghayati nilai kebersamaan melalui amalan tolong menolong, kebajikan dan kesukarelawanan. Masyarakat yang bersikap dermawan dan cenderung membuat kebajikan sangat diperlukan bagi membantu golongan yang memerlukan (Ahmad Ridwan Osman et al., 2019). Terutamanya pada fasa pandemik ini, bantuan serta pembiayaan daripada kerajaan adalah sangat terhad. Maka, amalan filantropi Islam ini dapat mewujudkan kesejahteraan masyarakat dan mengurangkan kadar kemiskinan (Aris & Muchlis, 2018)

Antara faktor utama yang mendorong seseorang individu untuk terlibat dengan amalan filantropi ini adalah tahap kemampuan kewangan mereka. Beberapa kajian yang dijalankan mendapati faktor pendapatan mempengaruhi masyarakat secara signifikan dalam penglibatan filantropi seseorang (Kitchen & Dalton, 1990; Lannaccone, 1997; Roger Finke et al., 2006; Amanta, Rindayati, & Arsyianti, 2014; Nor Aishah Ismail, 2015; Nor Aisyah Ismail et al., 2015). Hal ini kerana lebih pendapatan dapat mendorong diri individu ke arah memiliki sifat

kedermawanan. Hasil daripada kajian-kajian ini mendapati isi rumah yang berpendapatan tinggi lebih cenderung untuk menyumbang lebih banyak wang kepada badan amal secara mutlak jika dibandingkan dengan isi rumah yang mempunyai pendapatan rendah. Hal ini membuktikan bahawa individu atau keluarga yang mempunyai pendapatan yang tinggi lebih banyak terlibat dengan amalan filantropi. Selain itu, Lusiana Ulfa & Muhammad Zilal juga menjelaskan faktor-faktor peribadi seperti tahap kehidupan kerja, tahap ekonomi, dan gaya hidup sangat mempengaruhi sikap kedermawanan di Jakarta, Indonesia (Lusiana Ulfa Hardinawati & Muhammad Zilal Hamzah, 2017).

Begitu juga dengan kajian Gittell & Tebaldi mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan kebajikan di Amerika Syarikat mendapati peningkatan dalam pendapatan negara perkapita meningkatkan purata pemberian amal kebajikan pembayar cukai (Gittell & Tebaldi, 2006). Menurut Syed Muhammad Hilal Azizi pula, cabaran kewangan sememangnya memberi kesan negatif kepada masyarakat Islam terhadap kelangsungan kehidupan mereka menyebabkan majoriti masyarakat tidak mampu untuk menyediakan peruntukan yang mencukupi dalam kehidupan harian (Syed Abdul Aziz et al., 2017). Maka, amalan filantropi seperti wakaf tunai adalah antara mekanisma yang dapat mengurangkan kemiskinan selain sedekah dan dana awam. Antara faktor yang menjadi penghalang kepada usaha ini adalah kurangnya kesedaran, mempunyai sifat kedekut, bersifat mementingkan diri, pengaruh politik dalam pengurusan, kepincangan pelaksanaan serta ketidaksediaan negara Islam dalam melaksanakannya (Yusuff Jelili Amuda & Nor Azizan Che Embi, 2013). Pengurusan kewangan merupakan antara cabaran paling besar dalam amalan filantropi dan menjadi aspek penting untuk dikaji kerana sumber kewangan atau dana merupakan tulang belakang atau teras dalam memastikan kejayaan filantropi tersebut (Ahmad Zaki et al., 2008). Namun begitu, dengan keadaan kewangan masyarakat yang sempit dan tidak stabil mengekang mereka untuk mengeluarkan wang bagi menyumbang kepada orang lain kerana lebih memikirkan untuk keperluan sara diri mereka dan keluarga terlebih dahulu.

### **Metodologi Kajian**

Data bagi kajian ini diperolehi melalui kaedah tinjauan menggunakan soal selidik berstruktur. Pemilihan responden dilakukan menggunakan kaedah persampelan mudah (*convenience sampling*) dengan mengedarkan borang soal selidik kepada 424 orang responden. Saiz sampel yang besar adalah penting bagi memperoleh kesimpulan yang boleh diterima mewakili populasi yang dikaji. Saiz sampel yang sesuai pada aras kesignifikanan  $p < 0.05$  untuk saiz populasi melebihi 100 000 ialah sejumlah 383 sampel (Yan Piaw, 2006) (Ahmad Sunawari Long, 2005). Ini diambil berdasarkan kaedah penentuan saiz sampel yang digunapakai oleh Cohen, Manion dan Morrison. (Cohen, Manion, & Morrison, 2001). Dalam penentuan sampel yang digunakan bagi kajian ini, terdapat dua ciri pemilihan yang diperincikan iaitu Muslim di Melaka (responden soal selidik) dan soal selidik hanya diedarkan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebagai batasan waktu. Bagi ciri yang pertama iaitu responden Muslim di Melaka, pemilihan negeri Melaka kerana pengiktirafan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui PLAN Malaysia kepada Bandaraya Melaka dan Bandar Jasin sebagai antara 10 Bandar Paling Bahagia 2019. Selain itu, Melaka yang terkenal sebagai salah satu pusat pelancongan tumpuan agak terkesan apabila berlakunya sekatan ketika pandemik COVID-19 ini. Hal ini memungkinkan berlakunya pengurangan pendapatan sekaligus membawa kepada krisis

pengangguran, kemiskinan segera dan sebagainya. Kedua, penetapan batasan waktu pengedaran soal selidik hanya dihadkan dalam tempoh fasa PKP sahaja kerana berlaku peningkatan amalan filantropi sehingga 90 peratus sepanjang tempoh ini (Bin-Nashwan et al.,2020). Seterusnya, hasil soal selidik dianalisis menggunakan perisian SPSS dengan menggunakan kaedah analisis deskriptif dan analisis inferensi. Analisis deskriptif bertujuan menjelaskan tahap keseluruhan penglibatan Muslim dalam filantropi semasa pandemik Covid-19 berdasarkan nilai purata yang diperolehi. Seterusnya bagi menjawab objektif kedua dan ketiga kajian, kaedah analisis inferensi dibuat bagi meneliti hubungan antara pembolehubah pendapatan isi rumah dengan tahap penglibatan filantropi dalam kalangan Muslim semasa pandemik Covid-19 serta akhirnya dapat mengenalpasti perbezaan gelagat filantropi bagi setiap tingkat pendapatan.

### Instrumen Kajian

Soal selidik ini merangkumi dua bahagian utama iaitu tingkat pendapatan responden (Bahagian A) dan tahap filantropi Muslim (Bahagian B). Tiga skala tingkat pendapatan digunakan dalam kajian ini iaitu bawah RM3,860 mewakili golongan B40, RM3,861 hingga RM8,319 mewakili golongan M40 dan RM 8,320 ke atas mewakili golongan T20. Manakala lima item tahap filantropi Muslim semasa krisis pandemik COVID-19 pula dikategorikan kepada bantuan yang diberikan kepada (1) ahli keluarga, (2) jiran tetangga, (3) masyarakat awam, (4) agensi yang menguruskan sumbangan dan (5) petugas barisan hadapan. Set soal selidik yang dibentuk telah dijalankan ujian kebolehpercayaan terhadap 30 orang responden. Hasilnya, dapatan dalam analisis faktor keseluruhan item menunjukkan skor *alpha* dengan nilai pekali 0.856. Hal ini dikuatkan lagi oleh Nunnally yang berpandangan bahawa nilai pekali 0.5 atau 0.6 dianggap mencukupi untuk mengukur ketekalan atau keseragaman antara item soalan (Nunnally, 1967). Jadual 1 menunjukkan nilai pekali kebolehpercayaan keseluruhan item tahap filantropi Muslim.

**Jadual 1:** Nilai Pekali Ujian Kebolehpercayaan Keseluruhan Item Tahap Filantropi Muslim

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
0.853	0.856	5

### Hasil dan Perbincangan

Instrumen tahap filantropi Muslim diukur menggunakan skala Likert 5-*point*, iaitu (1) sangat tidak benar, (2) tidak benar, (3) agak benar, (4) benar dan (5) sangat benar. Hasil analisis diinterpretasikan mengikut pengkelasan skor min yang dikemukakan oleh bahagian perancangan dan penyelidikan dasar pendidikan (2006) iaitu skor min antara 1.00-1.89 (sangat rendah) diikuti dengan nilai skor min 1.90-2.69 (rendah), skor 2.70- 3.49 (sederhana), skor 3.50-4.29 (tinggi) dan 4.30- 5.00 (sangat tinggi). Berikut merupakan dapatan analisis tahap keseluruhan gelagat filantropi Muslim semasa pandemik COVID-19 sebagaimana dalam Jadual 2.

**Jadual 2** Tahap Keseluruhan Filantropi Muslim Semasa Pandemik COVID-19

No	Item	Min
1	Bantuan kepada keluarga yang terkesan dengan COVID-19	3.98
2	Bantuan kepada jiran yang terkesan dengan COVID-19	3.56
3	Bantuan kepada masyarakat yang terkesan dengan COVID-19	3.80
4	Bantuan kepada agensi yang menguruskan sumbangan COVID-19 terhadap pihak yang terkesan	3.47
5	Bantuan kepada petugas barisan hadapan dalam menangani COVID-19	3.55

Berdasarkan analisis deskriptif yang dijalankan, sebahagian besar item menunjukkan penglibatan Muslim dalam filantropi sepanjang tempoh PKP berada pada tahap yang tinggi dengan skor purata 3.50 ke atas. Hasil analisis juga mendapati keperihatinan responden terhadap ahli keluarga yang terkesan dengan COVID-19 adalah paling tinggi dengan nilai min 3.98. Dapatan ini membuktikan bahawa masyarakat Muslim pada hari ini mengaplikasikan konsep keutamaan dalam memberi bantuan. Ini adalah selaras dengan saranan dalam agama Islam untuk mengeratkan hubungan silaturahim dengan kaum kerabat melalui cara bantuan seperti ini. Imam al-Nawawi menjelaskan bahawa pemberian sedekah kepada ahli keluarga adalah lebih afdhal (lebih baik) berbanding memberi kepada orang asing (yang tidak mempunyai pertalian keluarga) sekiranya mereka (ahli keluarga) berhajat kepadanya (Al-Nawawi, t.t). Sementara itu, item keempat iaitu bantuan kepada agensi yang menguruskan sumbangan COVID-19 terhadap pihak yang terkesan diinterpretasikan sebagai sederhana dengan nilai min 3.47. Hal ini berkemungkinan disebabkan penderma lebih yakin sekiranya sumbangan mereka diberikan secara terus kepada penerima sumbangan. Tambahan pula kebelakangan ini pelbagai isu ketidaktelusan yang timbul berkaitan organisasi yang mengumpul dana sumbangan awam. Realiti ini sekaligus telah menjawab persoalan dan objektif pertama kajian.

#### **Analisis Hubungan Tahap Filantropi Muslim Semasa Krisis Pandemik COVID-19 dengan Faktor Tingkat Pendapatan**

Seterusnya, statistik inferensi diuji menggunakan korelasi Pearson untuk menerangkan hubungan antara tahap penglibatan Muslim dalam filantropi dengan faktor kemampuan tingkat pendapatan mereka. Bagi mentafsirkan kekuatan hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji, penulis menggunakan pendekatan Joseph dengan interpretasi bawah 0.10 sebagai lemah, 0.10-0.30 (sederhana) dan 0.30 ke atas (kuat) (Joseph, 1997). Selain itu, tanda pada pekali korelasi dengan nilai positif menunjukkan hubungan satu pemboleh ubah adalah berkadar terus dengan satu pemboleh ubah yang lain manakala nilai negatif menunjukkan hubungan antara dua pemboleh ubah adalah berkadar songsang (Azizi Yahaya et al., 2009). Jadual 3 menjelaskan dengan lebih tepat hubungan antara tahap filantropi Muslim dengan faktor tingkat pendapatan semasa krisis pandemik COVID-19.

**Jadual 3** Hubungan antara Tahap Penglibatan Filantropi Muslim dengan Faktor Tingkat Pendapatan Semasa Krisis Pandemik COVID-19

	Tingkat Pendapatan Isi Rumah	Tahap Filantropi Muslim
--	------------------------------	-------------------------

Tingkat Pendapatan Isi Rumah	Pearson Correlation	1	0.285**
	Sig. (2-tailed)		0.000
	N	424	424
Tahap Filantropi Muslim	Pearson Correlation	0.285**	1
	Sig. (2-tailed)	0.000	
	N	424	424

\*\* . Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).

Berdasarkan jadual, memandangkan nilai kebarangkalian yang diperoleh daripada analisis SPSS (0.000) iaitu kurang daripada nilai alfa yang ditentukan (0.05), maka hipotesis nol ( $H_0$ ) ditolak. Ini disebabkan terdapat bukti-bukti yang kukuh untuk membuat kesimpulan bahawa  $p < 0$ . Hal ini bermaksud terdapat hubungan linear positif yang signifikan antara tahap penglibatan filantropi Muslim dengan tingkat pendapatan. Oleh yang demikian, semakin tinggi pendapatan seseorang individu maka penglibatan terhadap amalan filantropi menjadi semakin meluas. Walau bagaimanapun, berdasarkan nilai kolerasi  $r = 0.285$  menunjukkan bahawa hubungan positif tersebut adalah sederhana. Secara andaiannya, kemungkinan langkah berjaga-jaga diambil oleh responden ketika berlakunya pandemik ini kerana kebimbangan kehilangan pekerjaan dan pendapatan memungkinkan mereka untuk membuat keputusan untuk lebih menyimpan berbanding menderma. Dapatan ini sekaligus menjawab objektif kedua kajian.

#### **Analisis Perbezaan Gelagat Filantropi Muslim Semasa Pandemik COVID-19 Berdasarkan Faktor Tingkat Pendapatan**

Seterusnya, analisis perbezaan gelagat filantropi Muslim semasa pandemik COVID-19 dijalankan bagi membuat perbandingan min antara beberapa kumpulan sampel kajian. Ini bertujuan untuk menentukan sama ada wujud atau tidak perbezaan yang signifikan antara kumpulan yang dibuat perbandingan. Bagi menguji sama ada terdapat perbezaan gelagat filantropi Muslim berdasarkan faktor tingkat pendapatan, penulis menggunakan ujian ANOVA sehalu. Sampel bagi faktor tingkat pendapatan ini dibahagikan kepada tiga kumpulan mengikut pengelasan pendapatan kumpulan isi rumah di Malaysia. Pertama, responden yang memiliki pendapatan isi rumah kurang dari RM3,860. Kedua, responden yang berpendapatan isi rumah RM3,861 hingga RM8,319. Ketiga, responden yang berpendapatan isi rumah RM 8,320 dan ke atas. Dapatan analisis adalah sebagaimana dalam jadual 4.

**Jadual 4** Ujian ANOVA Sehalu Bagi Gelagat Filantropi Muslim Berdasarkan Tingkat Pendapatan

Tingkat Pendapatan	Min (M)	Sisihan Piawai (SD)	Nilai F	Sig.
Bawah RM3,860	3.3622	0.96396	21.687	0.000*
RM3,861 hingga RM8,319	3.8830	0.76879		
RM 8,320 dan ke atas	3.9775	0.78916		

\* $p < 0.05$

Analisis perbezaan berdasarkan tingkat pendapatan ini bertujuan untuk menguji hipotesis kedua kajian ( $H_{02}$ ) iaitu tidak wujud perbezaan yang signifikan dalam gelagat filantropi Muslim semasa pandemik COVID-19 berdasarkan faktor tingkat pendapatan isi rumah. Berdasarkan jadual 4, dapatan analisis ujian ANOVA sehalu menunjukkan nilai ( $F=21.687$ ,  $p=0.000$ ). Ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam gelagat filantropi Muslim semasa pandemik COVID-19 berdasarkan faktor tingkat pendapatan. Hasil ini selaras dengan dapatan Chang & Chang (2006) dan membuktikan bahawa hipotesis nul ( $H_{02}$ ) yang dikemukakan oleh penulis ditolak. Seterusnya, penulis menjalankan ujian Tukey's HSD (*honest significant difference*) bagi mengenalpasti apakah kumpulan tingkat pendapatan yang mempunyai perbezaan yang signifikan. Ini dapat dilihat dengan lebih jelas lagi dalam Jadual 5.

**Jadual 5** Tukey HSD: Gelagat Filantropi Muslim Berdasarkan Tingkat Pendapatan

(I)Pendapatan isi rumah	(J) Pendapatan isi rumah	Mean Difference (I-J)	Std. Error	Sig.	95% Confidence Interval	
					Lower Bound	Upper Bound
Bawah RM3,860	RM3,861 hingga RM8,319	-.52086*	.09333	.000	-.7404	-.3013
	RM8,320 dan ke atas	-.61534*	.11548	.000	-.8870	-.3437
RM3,861 hingga RM8,319	Bawah RM3,860	.52086*	.09333	.000	.3013	.7404
	RM8,320 dan ke atas	-.09448	.11830	.704	-.3727	.1838
RM8,320 dan ke atas	Bawah RM3,860	.61534*	.11548	.000	.3437	.8870
	RM3,861 hingga RM8,319	-.09448	.11830	.704	-.1838	.3727

\* The mean difference is significant at the 0.05 level.

Jadual 5 membuktikan bahawa terdapat perbezaan min yang signifikan pada dua pasangan kumpulan. Pertama, kumpulan yang berpendapatan isi rumah bawah RM3,860 ( $M=3.3622$ ,  $SD=0.96396$ ) dengan kumpulan yang berpendapatan isi rumah RM3,861 hingga RM8,319 ( $M=3.8830$ ,  $SD=0.76879$ ). Kedua, kumpulan yang berpendapatan isi rumah bawah RM3,860 ( $M=3.3622$ ,  $SD=0.96396$ ) dengan kumpulan yang berpendapatan isi rumah RM8,320 dan ke atas ( $M=3.9775$ ,  $SD=0.78916$ ). Berdasarkan dapatan analisis ini, perbezaan gelagat kedermawanan ini dapat dilihat antara kumpulan responden yang dikategorikan dengan pendapatan B40 dengan kumpulan pendapatan M40 dan T20. Keputusan analisis ini membuktikan bahawa tingkat pendapatan sangat mempengaruhi gelagat filantropi Muslim. Ini selari dengan penemuan kajian Nor Aishah Ismail, 2015; Amanta MV, Rindayati W, Arsyianti LD, 2014; Nor Aishah et al., 2015; Kitchen & Dalton, 1990; Iannaccone, 1997; dan Finke, et al. (2006) di mana faktor pendapatan adalah signifikan mempengaruhi masyarakat untuk mengamalkan filantropi. Dapatan juga mendapati kumpulan responden yang berpendapatan kategori T20 mempunyai tahap filantropi yang lebih tinggi mereka dengan nilai min 3.9775 berbanding responden berpendapatan sederhana (M40) dan rendah (B40). Ini berkemungkinan golongan yang berpendapatan tinggi mempunyai sumber kewangan yang kukuh berbanding golongan yang lain. Hasil kajian ini menemui bahawa tahap kesedaran amalan filantropi dalam kalangan Muslim yang berpendapatan tinggi adalah positif. Selain itu, berpendapatan rendah juga tidak menghalang seseorang Muslim untuk turut terlibat dengan aktiviti filantropi atas dasar kemanusiaan dan tanggungjawab kepada masyarakat.



## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini menemui tahap kedermawanan Muslim semasa pandemik COVID-19 berada pada tahap yang tinggi. Hal ini menjelaskan masyarakat Muslim sentiasa bersedia untuk membantu golongan yang memerlukan ketika berlaku sebarang bencana. Kajian ini juga mendapati perbezaan gelagat filantropi Muslim semasa pandemik COVID-19 berdasarkan faktor tingkat pendapatan berlaku secara signifikan. Dapatan ini sekaligus membuktikan bahawa faktor pendapatan mempunyai pengaruh yang besar terhadap gelagat filantropi Muslim. Kajian ini secara umumnya hanya meneliti faktor pendapatan sebagai pembolehubah yang mempunyai hubungan dengan gelagat filantropi. Maka, dicadangkan juga pada kajian-kajian akan datang dapat diteliti faktor kepatuhan beragama secara khusus dalam mempengaruhi gelagat filantropi seseorang individu. Justeru, semua pihak berperanan memberikan kesedaran terhadap amalan filantropi ini bagi memastikan kelangsungan hidup masyarakat yang ditimpa musibah dapat dipelihara.

## Rujukan

- Abdul Ghafar, M. (2003). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Ridwan Osman, Zaharah Hussin, & Abdul Muhsin Bin Sulaiman. (2019). Analisis Faktor Keagamaan Terhadap Amalan Bersedekah dalam Kalangan Mahasiswa Islam: Aplikasi Teknik Fuzzy Delphi. *Al-Hikmah*, 11(1), 97-117.
- Ahmad Sunawari Long. (2005). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Jabatan Usuluddin Dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Zaki, A. L., Abdul Halim, R., Che Zuina, I., Kamarulzaman, S., & Norzaidi, M. D. (2008). *Wakaf Pengurusan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam Di Malaysia*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (Upena), Uitm.
- Ahmadan, D. (2020). Keuangan Sosial Islam dalam Menghadapi Wabah Covid – 19. *Jurnal La Riba: Jurnal Perbankan Syariah*, 1(2).
- Al-Nawawi, A. (t.t). *Al-Minhaj fi Syarhi Sahih Muslim*. Saudi: Dar Ash Shiddiq.
- al-Qaradawi, Y. (1999). *Fiqh az-Zakat: A Comparative Study*. London: Dar al-Taqwa Ltd.
- Amanta, M., Rindayati, W., & Arsyianti, L. (2014). Analisis Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Alokasi Infak Rumah Tangga: Studi Kasus di Desa Pasir Eurih, Kecamatan Tamansari, Kabupaten Bogor. *Journal of Islamic Economics and Finance (Al-Muzara'ah)*, 2(1), 39-53.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, & Abdul Rahim Hamdan. (2009). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan: Teori, Analisis, & Interpretasi Data*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Beier, M., & Wagner, K. (2015). Crowdfunding Success: A Perspective from Social Media and E-commerce. *Thirty Sixth International Conference on Information Systems*.

- Beik, I., & Arsyianti, L. (2016). Measuring zakat impact on poverty and welfare using CIBEST Model. *Journal of Islamic Monetary Economics and Finance*, 141-160.
- Bensaid, B., & Grine, F. (2013). Ethico-Spiritual Dimensions of Charity: An Islamic Perspective. *Middle-East Journal of Scientific Research* 13(Special Issue of Economics), 13(2), 65-77.
- Bernamea. (2020, Mei 30 ). *COVID-19: Malaysia Dalam Fasa Pemulihan Terakhir*. Retrieved Oktober 28 , 2020, from <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-malaysia-dalam-fasa-pemulihan-terakhir-noor-hisham-244896>
- Bin-Nashwan, S., Al-Daihani, M., Abdul-Jabbar, H., & Al-Ttaffi , L. (2020). Social Solidarity Amid the COVID-19 Outbreak: Fundraising Campaigns and Donors' Attitudes. *International Journal of Sociology and Social Policy*.
- Bremner, R. (1960). *American Philanthropy*. Chicago: University of Chicago Press.
- Chang, W.-C., & Chang, W.-C. (2006). Determinants of Religious Giving in an Eastern-Culture Economy: Empirical Evidence from Taiwan. *Review of Religious Research*, 47(4), 363-379.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2001). *Research Methods in Education Fifth Edition*. London: Routledge Falmer.
- Eisenberg, N., & Miller, P. (1987). The Relation of Empathy to Prosocial and Related Behaviors. *Psychological bulletin*, 101(1), 91–119.
- Employment Insurance System. (2020). *The Impact of Covid-19 On LOE, vol. 4/2020*. Retrieved Oktober 28 , 2020, from <https://eiscentre.perkeso.gov.my/wp-content/uploads/2020/06/Employment-Outlook-Volume-4-2020-Loss-of-Employment.pdf>
- Fauzi, S. (2020, Mac 12). *Fahami perbezaan epidemik, endemic dan pandemik*. Retrieved Oktober 28, 2020, from <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/fahami-perbezaanepidemik-endemik-dan-pandemik-233401>
- Fauzia, A. (2017). Islamic philanthropy in Indonesia: Modernization, Islamization, and social justice. *Austrian Journal of South-East Asian Studies*, 10(2), 223-236.
- Finke, R., Bahr, M., & Scheitle, C. (2006). Toward Explaining Congregational Giving. *Social Science Research*, 35(3), 620-641.
- Gittell, R., & Tebaldi, E. (2006). Charitable Giving: Factors Influencing Giving in U.S. States. *Nonprofits and Voluntary Sector Quarterly*, 35(4), 721-736.
- Hussin, H. (2020, April 11). *Cabaran Mengurus Manusia*. Retrieved oktober 28, 2020, from <https://www.sinarharian.com.my/article/78361 /KOLUMNIS/ Cabaran-mengurus-manusia>
- Joseph, F. H. (1997). *Explaining social issues*. London: Pine Forge Press.
- Kitchen, H., & Dalton, R. (1990). Determinants of Charitable Donation by Families in Canada: A Regional Analysis. *Applied Economics*, 22(3), 285-299.
- Lannaccone, L. (1997). Toward an Economic Theory of "Fundamentalism". *Journal of Institutional and Theoretical Economics (JITE)*, 153(1), 100-116.

- Lusiana Ulfa Hardinawati, & Muhammad Zilal Hamzah. (2017). Analisis Faktor yang Mempengaruhi Intensi Donatur Membayar Zakat, Infak, dan Sedekah (ZIS) melalui Bank (Studi Kasus Donatur Zis di Provinsi Dki Jakarta). *Jurnal Middle East and Islamic Studies (MEIS)*, 4(2), 175-192.
- McCully, G. (2008). *Philanthropy Reconsidered : Private Initiatives - Public Good - Quality of Life*. Bloomington: AuthorHouse.
- Md sham, F., & Yusof, S. (2015). Religiosity of Muslim Adolescents from Single Parent Families Living in Government-Subsidised Settlement. *Global Journal Al-Thaqafah*, 5(2), 31–42.
- Mesch, D., Rooney, P., Steinberg, K., & Denton, B. (2006). The Effects of Race, Gender, and Marital Status on Giving and Volunteering in Indiana. *SAGE Journals*, 35(4), 565–587.
- Mohd Zabudin, A., Wan Chik, W., Engku Ali, E., & Syed Ab Rahman, S. (2018). Potensi Filantropi Islam Dalam Institusi Pemulihan Dadah. *Asian People Journal (APJ)*, 1(2), 125-134.
- Nevin, S., Gleasure, R., O'Reilly, P., Feller, J., Li, S., & Cristoforo, J. (2017). Social Identity and Social Media Activities in Equity Crowdfunding. *13th International Symposium on Open Collaboration. Association for Computing Machinery*. New York.
- Nor Aishah Ismail. (2015). *Faktor Yang Mempengaruhi Amalan Berwakaf Dalam Kalangan Masyarakat Islam*. Tanjung Malim: Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nor Aisyah Ismail, Azila Abdul Razak, & Fidlizan Muhammad. (2015). Amalan Wakaf dalam Kalangan Masyarakat Islam di Kota Bharu Kelantan. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 9, 14-25.
- Nunnally, J. (1967). *Psychometric Theory*. New York: McGraw-Hill.
- Osman, A., Hussin, Z., & Sulaiman, A. (2019). Analisis Faktor Keagamaan Terhadap Amalan Bersedekah Dalam Kalangan Mahasiswa Islam: Aplikasi Teknik Fuzzy Delphi. *Al-Hikmah*, 11(1), 97-117.
- Othman, R. (2017). Konsep Filantropi Dalam Sudut Pandang Islam. *Seminar Filantropi Derma-Bakti Islam: Pendekatan Korporat Dalam Konsep Wakaf*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Payton, R. (1988). *Philanthropy: Voluntary Action for the Public Good*. Michigan: American Council on Education/Macmillan Publishing Company.
- Purwatiningsih, A., & Yahya, M. (2019). Literature Review Filantropi Islam antara Tahun 2008 hingga 2018. *AL-MUZARA'AH*, 6, 129-138.
- Qaradawi, Y. (1996). *Fi fiqh al-awlawiyat Dirasah jadidah fi daw al-Quran wa-al-sunnah*. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Ritonga, A. (2012). *Analisis Faktor–Faktor Pendorong Masyarakat Membayar Zakat, Infaq, Dan Sedekah (ZIS) Melalui Bazda Sumatera Utara, Tesis Program Studi Ekonomi Pembangunan*. Medan, Indonesia: Jabatan Perkembangan Ekonomi, Fakulti Ekonomi, Universiti Sumatera Utara.
- Roger Finke, Matt Bahr, & Christopher P. Scheitle. (2006). Toward Explaining Congregational Giving. *Social Science Research*, 35(3), 620-641.

- Syed Abdul Aziz, S., Ahmad Sabri, S., & Takril, N. (2017). Faktor-Faktor Mempengaruhi Sumbangan Wakaf Tunai di Kuis. *4th International Conference on Management and Muamalah 2017 (ICoMM 2017)*. Selangor.
- Tiehen, L. (2001). Tax Policy and Charitable Contributions of Money. *National Tax Journal*, 54(4), 707-823.
- Yan Piaw, C. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan : Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Yusuff Jelili Amuda, & Nor Azizan Che Embi. (2013). Alleviation of Poverty among OIC Countries through Sadaqat, Cash Waqf and Public Funding. *International Journal Of Trade, Economics And Finance*, 4(6), 403- 408.